

Transformasi Program Pendidikan Tingkatan Enam

Andaian yang menyatakan bahawa pengajian di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sukar berbanding dengan program matriculasi menyebabkan banyak pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) cenderung untuk meneruskan pengajian ke peringkat tingkatan enam. Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, dalam satu majlis di Temerloh, Pahang, pada Mac lalu. Menurut Saifuddin, banyak pelajar lepasan SPM lebih berminat meneruskan pengajian di peringkat matriculasi kerana mereka menganggap STPM sebagai peperiksaan yang susah.

Lantaran itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan sistem baharu dalam penilaian calon peperiksaan STPM, bermula dengan kumpulan pertama pelajar tingkatan enam rendah. Sistem tersebut dikenali sebagai Modular Peperiksaan STPM dan bakal dilaksanakan pada penggal baharu persekolahan pada Jun 2012.

Menerusi sistem baharu tersebut, penilaian ke atas pelajar tidak hanya dibuat berasaskan peperiksaan pusat yang diadakan pada akhir penggal ketika berada di tingkatan enam atas, tetapi penilaian menggabungkan keputusan kumulatif tiga penggal, iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang membawa 20 hingga 40 peratus markah, manakala peperiksaan akhir dengan 60 hingga 80 peratus markah. Keputusan penuh STPM turut mengambil kira tiga bentuk kerja kursus, iaitu projek atau tugas, kerja amali dan kajian luar.

Peperiksaan bagi menilai pencapaian pelajar pula diadakan setiap akhir penggal,

iaitu penggal pertama pada November tahun pertama, manakala penggal kedua dan ketiga, masing-masing pada Jun dan November tahun berikutnya. Kelebihan sistem tersebut ialah pelajar yang gagal dalam peperiksaan penggal pertama dan kedua dibenarkan mengulanginya selepas keputusan penggal ketiga dikeluarkan bagi membolehkan mereka memperbaiki keputusan sebelumnya.

Pembaharuan tersebut diumumkan oleh Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin, pada 9 Mac lalu di Kuala Lumpur. Mohd. Noh menjelaskan bahawa pembaharuan tersebut bertujuan memantapkan sistem penilaian agar lebih holistik dan tidak membebaskan pelajar.

“Kita berharap sistem baharu penilaian dapat menarik minat pelajar dan membantu mereka mencapai keputusan yang lebih baik. Penggunaan sistem taksiran baharu itu selaras dengan Program Transformasi Pendidikan dan menjadi antara usaha kerajaan untuk

memperkasakan program pendidikan tingkatan enam,” ujar Mohd. Noh.

Banyak pihak menyokong usaha tersebut. Dalam kalangan warga pendidik, mereka percaya bahawa langkah berkenaan adalah permulaan kepada transformasi pendidikan tingkatan enam, sesuai dengan statusnya sebagai pendidikan prauniversiti. Selain menitikberatkan pendidikan berasaskan hasil dan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan, sistem baharu tersebut membolehkan pelajar mempelajari kandungan kurikulum berbeza daripada skala kecil pada setiap penggal.

Lantaran itu, pelajar menjadi lebih fokus ketika belajar dan mempunyai peluang lebih besar untuk berjaya. Jumlah mata pelajaran yang boleh diduduki pelajar bagaimanapun kekal 23 mata pelajaran. Kejayaan sistem baharu tersebut hanya dapat dilihat selepas penggal pertama pada November 2013.

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi menjelaskan kepada media



Keputusan STPM menjadi penentu kemasukan pelajar ke IPT.

selepas merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Kuala Terengganu, Terengganu, pada 9 Mac lalu bahawa sistem berkenaan mampu menarik minat pelajar untuk meneruskan pengajian ke tingkatan enam. Sistem Modular Peperiksaan STPM lebih mudah kerana menggunakan sistem pembelajaran di universiti yang tidak membebaskan pelajar sepanjang mereka berada di tingkatan enam.

“Menerusi sistem tersebut, pelajar boleh mengulang semula peperiksaan pada penggal akhir jika keputusan penggal pertama tidak memuaskan kerana keputusan peperiksaan itu (STPM) digabungkan berasaskan keputusan peperiksaan ketiga-tiga penggal menerusi PBS dan peperiksaan berpusat,” jelas Puad.

Tambahnya lagi, KPM akan menjemput wakil daripada badan penilaian Cambridge Universiti untuk memantau peperiksaan STPM dan SPM agar dapat mengekalkan standard antarabangsa peperiksaan awam sekolah Malaysia.

Dalam usaha merealisasikan usaha tersebut, Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Profesor Madya Datuk

Dr. Mohamad Ali Hassan, ketika diwawancara oleh media tempatan pada Mac lalu mencadangkan agar kerajaan menubuhkan unit pihak berkuasa pemeriksaan tempatan bagi memantau penilaian yang dibuat oleh pihak sekolah ke atas pelajar tingkatan enam agar selaras dengan rombakan peperiksaan STPM.

Penubuhan badan pemantau tersebut bertujuan untuk memastikan tiada pihak yang berkompromi terhadap piawaian penilaian calon STPM yang diperluaskan kepada pihak sekolah dan peperiksaan berpusat. Mohamad memberikan contoh badan pemantau pemeriksa tempatan di United Kingdom yang berperanan penting memantau penilaian yang dibuat ke atas pelajar menerusi projek, tugas, kerja amali, dan tugas luar mengikut keperluan mata pelajaran yang ditawarkan.

Dalam menjayakan pembaharuan tersebut, semua pihak, termasuk pelajar dan ibu bapa harus memberikan kerjasama kepada sekolah untuk melaksanakan Modular Peperiksaan STPM dengan sebaik mungkin. Usaha murni kerajaan untuk memperkasakan sistem pendidikan, termasuk menambah baik peperiksaan utama bakal melahirkan pelajar yang bijak sebagai persediaan modal insan bertaraf negara maju menjelang 2020. □